



IDRIS (dua dari kanan) bersama naib canselor universiti tempatan selepas sidang media mengenai pencapaian universiti, semalam.

Pusat ilmu tersohor

■ Lima universiti tempatan sebaris dalam kalangan 300 universiti terbaik dunia

Siti A'isyah Sukaimi

sitiaisyah@hmetro.com.my

Putrajaya

Lima universiti penyelidikan Malaysia iaitu Universiti Malaysia (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) tersenarai dalam kalangan 300 universiti terbaik dunia.

Kejayaan bagi kedudukan lima universiti itu diterbitkan agensi penarafan universiti dunia Quacquarelli Symonds (QS) bagi 2017/2018.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Idris Jusoh berkata, hasil peningkatan itu membolehkan lima universiti berkenaan berada dalam kelompok satu peratus teratas daripada lebih 26,000 universiti di seluruh dunia.

Katanya, UM dan UPM menunjukkan peningkatan untuk lima tahun berturut-turut iaitu 2013 hingga 2017.

"UM kini di kedudukan ke-114 iaitu di ambang kelompok 100 terbaik dunia serta diharapkan dapat menzahirkan impian mencapai sasaran itu menjelang 2020, tetapi saya yakin ia boleh dicapai lebih awal.

"UPM mencapai peningkatan tertinggi sebanyak 182 tempat menjadikan kedudukan terkini ialah tempat ke-229 jika dibandingkan kedudukan ke-411 dunia pada 2013/2014," ka-

tanya di sini, semalam.

Katanya, UKM pula berada di kedudukan ke-230 di dunia iaitu peningkatan sebanyak 72 tempat jika dibandingkan pada tahun 2016/2017 yang berada di kedudukan ke-302.

"UTM pula mencatatkan peningkatan memberangsangkan apabila meningkat sebanyak 102 tempat daripada 355 pada 2013/2014 kepada 253 pada 2017/2018.

"Seterusnya, USM yang menyaksikan penurunan tahun lalu juga meningkat sebanyak 66 tempat pada tahun ini iaitu daripada 330 pada 2016/2017 ke-264 pada 2017/2018," katanya.

Idris berkata, daripada lebih 26,000 universiti luar negara, hanya 980 disenarai pendek QS untuk penarafan kedudukan dunia.

KEDUDUKAN DUNIA UNIVERSITI MENGIKUT TAHUN

UNIVERSITI	2016/2017	2017/2018
Universiti Malaysia (UM)	133	114
Universiti Putra Malaysia (UPM)	270	229
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	302	230
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	288	253
Universiti Sains Malaysia (USM)	330	264

Penilaian dibuat oleh Quacquarelli Symonds (QS) terhadap universiti berdasarkan:

Reputasi akademik	40 peratus
Reputasi majikan	40 peratus
Nisbah pelajar kepada pensyarah	20 peratus
Nisbah sitasi kepada pensyarah	20 peratus
Pensyarah antarabangsa	Lima peratus
Pelajar antarabangsa	Lima peratus

Dorong semangat warga UM

Putrajaya: Kejayaan Universiti Malaysia (UM) yang kini berada di kedudukan 114 terbaik di dunia bagi 2017/2018 berbanding 133 pada 2016/2017 disifatkan sebagai pendorong kepada warganya untuk terus mencapai kejayaan pada masa depan.

Naib Canselor UM Prof Awang Bulgiba Awang Mahmud mengakui laluan untuk mencapai kedudukan itu bukanlah perkara mudah kerana ia memerlukan usaha berterusan daripada semua warga UM.

"Kita faham banyak cabaran perlu dihadapi untuk memasuki kelompok 100 universiti terbaik di dunia," katanya pada sidang media Kedudukan Universiti Penyelidikan Malaysia, di sini, semalam.

Bagi Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Datin Dr Aini Ideris berkata, UPM juga memperkukuh aspek asas dalam kualiti penyelidikan akademik dan bilangan penerbitan dalam jurnal terkemuka dengan bilangan sitasi penerbitan.

Naib Canselor UTM Prof Datuk Ir Dr Wahid Omar berkata, prestasi UTM adalah bukti komitmen tinggi kakitangan akademik dan aktiviti penyelidikan.